

**Vol. 15. No.5 (117-127), ISSN: 1823-884x**

## **SELF REGULATION SEBAGAI MEKANISME MENGAWAL SALAH LAKU MEMBABITKAN PENYOKONG BOLA SEPAK DI MALAYSIA**

(*Self Regulation as A Mechanism to Prevent Misbehavior among Football Fans in Malaysia*)

Nur Hafizah Yusoff & P. Sundramoorthy

### **ABSTRAK**

Isu berkaitan salah laku dalam kalangan penyokong bolasepak di Malaysia bukanlah satu isu yang baru. Hampir setiap musim, terdapat insiden salah laku membabitkan penyokong bola sepak dari pelbagai pasukan. Antara salahlaku yang sering dilakukan adalah bersifat verbal dan fizikal. Pihak FAM telah menjatuhkan denda dan hukuman bukan sahaja dalam bentuk wang ringgit bahkan turut menghukum pasukan bermain dalam keadaan stadium kosong dan bermain di stadium berkecuali. Namun demikian, para penyokong masih berterusan melakukan pelbagai kesalahan yang tidak sepatutnya. Objektif artikel ini adalah ingin membincangkan mengenai peranan ‘self regulation’ sebagai satu mekanism untuk mengawal salah laku dalam kalangan penyokong bola sepak. Kajian ini bersifat kuantitatif dan seramai 600 orang responden terdiri daripada penyokong bolasepak daripada pasukan negeri Kelantan, Johor, Perak dan Selangor terlibat dalam sesi soal selidik yang telah dijalankan bagi mendapatkan data dan maklumat. Dapatan kajian yang utama adalah majoriti responden bersetuju bahawa setiap penyokong perlu mempunyai kawalan sosial secara *internal* dengan memfokuskan kepada pemilikan semangat kesukaran yang tinggi yang seterusnya mampu membuatkan penyokong mengawal emosi, bersikap profesional, perlu lebih berdisiplin semasa berada di dalam stadium. Penglibatan dan usaha sama antara pihak pengurusan dan para penyokong perlu turut dipergiatkan agar para penyokong dapat merasakan bahawa mereka adalah sebahagian daripada pasukan bola sepak yang mereka sokongi.

**Kata kunci:** kawalan sosial internal, penyokong bola sepak, salah laku, salah laku verbal, salah laku fizikal, semangat kesukaran.

### **ABSTRACT**

Issues related to misbehavior among football fans in Malaysia is not a new. Almost every football season, there are incidents of misbehavior involving football fans from various teams. Among the most frequent are verbal and physical. The FAM has imposed fines and penalties not only in the form of ringgit but also punishes teams playing in the empty stadium and playing in neutral stadium. However, the fans continue to commit a range of improper misbehavior. The objective of this article is to discuss the role of self regulation as a mechanism to prevent misbehavior among football fans. The study was quantitative and 600 respondents from football fans of Kelantan, Johor, Perak and Selangor were involved in the questionnaires. The main findings of the survey are most of respondents agree that each supporter needs to have internal control internally by focusing on the ownership of a high level of sportsmanship. By having a

sportmanship it will lead the football fans to able controll their emotional, being professional and more disciplined while in the stadium. The involvement and collaboration between management and their fans should be intensified so that the fans can feel that they are part of their football.

**Keywords:** football fans, internal social control, misbehavior, sportmanship, phyiscal misbehavior, verbal misbehavior.

## PENGENALAN

Sukan disifatkan sebagai salah satu institusi sosial yang penting dalam masyarakat. Hal ini kerana, sukan sering kali menjadi nadi kepada program menyatupadukan rakyat yang berbilang bangsa khususnya. Dasar Sukan Negara (2009) menyatakan bahawa sukan adalah kunci kepada integrasi nasional menerusi penglibatan masyarakat secara menyeluruh. Jika dahulu fungsi sukan lebih terarah kepada kegiatan masa senggang (Pilz, 1996), aktiviti yang dilakukan hanya untuk memenuhi masa lapang (Thorntorn, 2003) dan meredakan tekanan yang dialami di tempat kerja (Coakley, 2009 & Dunning, 2000). Namun, kini sukan sudah menjadi satu penyumbang ekonomi terbesar dalam pembangunan sesbuah negara (Huang, 2011). Sifat sukan yang semakin kompleks dan tersusun (organized), membuktikan bahawa sukan merupakan salah satu institusi sosial yang penting dalam kehidupan bermasyarakat.

Namun demikian, sebagai sebuah institusi sosial sukan juga tidak terkecuali berhadapan dengan masalah sosial. Antaranya ialah salah laku membabitkan para penyokong bola sepak. Salah laku dalam kalangan penyokong bola sepak bukanlah satu isu yang baru. Jika di barat, istilah football hooliganism telah mula diperkatakan sejak abad ke 16 lagi. Sejak abad ke 16 lagi fenomena ini telah direkodkan dan media massa juga giat melaporkan berkaitan dengan isu tersebut, sehingga tercetusnya ‘moral panic’ dalam kalangan anggota masyarakat (Stead & Rockwood, 2007).

Bola sepak tidak akan mampu berkembang dan bertahan tanpa adanya sokongan daripada penyokong. Namun demikian, kehadiran penyokong yang ramai kadangkala menyukarkan pihak keselamatan mengawal tingkah laku mereka terutamanya di dalam stadium. Isu mengenai kelakuan penyokong semasa di stadium bukan merupakan satu isu yang baru terutamanya di negara Barat. Istilah ‘*football hooliganism*’, boleh ditakrifkan sebagai segelintir penyokong yang hadir ke stadium dengan memiliki motif untuk mencetuskan provokasi dan pergaduhan. (Marsh et al 1996.). ‘Football Hooliganism’ ini juga berlaku di negara-negara lain seperti di Scotland dan Mesir (Leyne 2012), Amerika Utara (Molnar & Popovic, 2009) dan Amerika Latin (Miguel 2008). Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan berlakunya *football hooliganism* dan antara penyebab utama (di Barat) ialah kerana pengaruh alkohol/dadah dan meraikan kemenangan pasukan dengan cara yang keterlaluan (Spaijj, 2006).

Malaysia juga tidak terkecuali dengan isu membabitkan salah laku para penyokong bola sepaknya. Salah laku bersifat verbal seperti mengutuk, mengeluarkan kata-kata kesat dan lucah, provokasi keterlaluan dan salah laku fizikal seperti membaling objek, bergaduh, menunjukkan isyarat lucah dan merosakkan harta benda stadium sering kali terjadi di dalam stadium. Pihak Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) sebagai badan yang bertanggungjawab mengawal selia perjalanan bola sepak di Malaysia telah menggariskan panduan yang perlu dipatuhi di bawah ‘Artikel 70.1 Kod Tatatertib FAM 2015’ yang menggariskan tanggungjawab terhadap kelakuan

penonton. Namun demikian, masih terdapat para penyokong yang berdegil dan masih melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

## **SOROTAN KARYA**

### ***Peranan penyokong kepada pasukan***

Bola sepak tidak akan berkembang jika tiadanya sokongan daripada para penyokong. Tambahan pula, sukan pada era komersialisasi kini telah menyumbang sejumlah wang yang besar kepada pasukan bolasepak. Ini dapat dibuktikan apabila gaji jurulatih dan pemain serta promosi pasukan sebagiannya datang daripada kutipan tiket yang dijual kepada penyokong (Huang, 2011).

‘Penyokong adalah pemain ke 12’ merupakan antara metafora yang seringkali digunakan bagi menggambarkan kepentingan penyokong terhadap sesebuah pasukan (Molnar & Popovic, 2009). Apabila sukan melibatkan pemain, ianya melibatkan hubungan secara langsung para atlit dan apabila sukan melibatkan penonton, ianya melibatkan hubungan secara dua hala antara pemain/pasukan dengan para penyokong. Para pemain mendapat ganjaran melalui pembayaran gaji. Manakala, para penonton pula mendapat ganjaran apabila mendapat kepuasan menonton sukan yang diminati dan kepuasan itu lebih terserlah pasukan mereka memenangi perlawanan atau trofi.

Terdapat pelbagai sebab mengapa penyokong menyokong pasukan yang mereka diminati. Terdapat penonton yang menjadikan sukan sebagai salah satu medium untuk menghilangkan stress dan ada yang menganggap bahawa menonton sesuatu sukan itu diibaratkan seperti satu hiburan buat mereka (Kim & Trail, 2010). Selain itu, melalui sukan juga penyokong melihat diri mereka sebagai seorang yang aktif dan menjadi sebahagian daripada pasukan yang disokong (Houlihan, 2008). Molnar dan Popovic (2009), menambah bahawa bola sepak memberikan peluang kepada para penyokong untuk meluahkan perasaan mereka akibat daripada tekanan hidup seharian. Maka tidak hairan jika ada penyokong yang memilih untuk melakukan jeritan, nyanyian serta laungan semasa menyaksikan perlawanan secara langsung. Hal ini kerana, secara tidak langsung semua kelakuan tersebut menghilangkan tekanan yang dialami mereka.

Peranan penonton juga sangat penting kepada para pemain, Kelly (1996) menyatakan bahawa rata-rata pemain bersemangat untuk bermain dengan baik akibat daripada dorongan dan sokongan yang telah diberikan oleh para penyokong. Menurut beliau lagi, aura apabila bermain dalam keadaan stadium dipenuhi dengan jumlah penonton yang ramai berbanding jika bermain dalam stadium yang kosong. Cheng (2007) menyokong dengan menambah bahawa semakin ramai bilangan penonton yang menyaksikan sesuatu perlawanan secara langsung maka semakin tinggi keinginan dan kesungguhan para atlit untuk memberikan persembahan terbaik.

Bola sepak seringkali dikaitkan dengan golongan lelaki, namun demikian peranan golongan wanita turut tidak terkecuali kini. Terdapat peningkatan jumlah penyokong bola sepak yang datang menyaksikan perlawanan secara langsung di stadium (Nur Hafizah Yusoff, 2017). Pihak pengurusan bola sepak negeri turut menyedari peningkatan golongan wanita sebagai penyokong bola sepak dengan mewujudkan kaunter khas untuk penyokong wanita membeli tiket. Percambahan kelab-kelab penyokong bola sepak wanita sama ada secara *online* atau *offline* turut meningkat.

Oleh kerana sokongan yang diberikan oleh para penyokong setia kepada pasukan adalah

sangat tinggi, maka tidak hairanlah apabila terdapat segelintir penyokong yang bersikap agresif kerana gagal mengawal emosi mereka. Justeru itu, para penyokong seringkali disarankan agar memiliki semangat kesukunan yang tinggi dan perlu belajar menerima keputusan perlawanan sama ada menang atau kalah dengan hati yang terbuka.

### ***Jenis salah laku***

Salah laku di dalam bola sepak boleh berlaku secara verbal mahupun fizikal. Lazimnya para penyokong lebih kerap terlibat dalam salah laku verbal. Antara bentuk salah laku secara verbal ialah, menjerit, mencaci maki, mengeluarkan kata-kata lucu serta memperlekehkan pasukan dan penyokong lawan (Fikret dan Bilal 2005). Walaupun salah laku verbal tidak akan meninggalkan kesakitan atau mencederakan fizikal lawan. Namun demikian ianya akan menganggu emosi penyokong lawan dan seringkali ianya akan diakhiri dengan salah laku fizikal seperti pergaduhan antara penyokong.

Malaysia juga tidak terlepas daripada berhadapan dengan isu salah laku penyokong bola sepak. Sejak sepuluh tahun yang lepas, kes-kes berkaitan salah laku penyokong semakin membimbangkan. Pihak FAM telah mendenda dan menghukum pasukan bolasepak atas kesalahan melibatkan penyokong masing-masing. Insiden memaki hamun, membaling objek ke tengah padang, membakar mercun dan suar sehingga melakukan rusuhan merupakan antara salah laku yang seringkali dilakukan oleh penyokong bola sepak di Malaysia. Pada tahun 2010 telah berlaku rusuhan membabitkan para penyokong Kelantan yang menyaksikan banyak harta benda awam yang rosak dan pergaduhan dengan anggota keselamatan turut berlaku dalam masa yang sama (Nur Hafizah Yusoff, 2015).

Kes yang sama juga berlaku pada tahun 2015 apabila pasukan Sarawak melakukan rusuhan di Stadium Sarawak dengan merosakkan harta benda stadium dan bergaduh dengan anggota keselamatan sehingga insiden tersebut terpaksa dihuraikan dengan tembakan gas pemedih mata.

### ***Langkah pengawalan dan pencegahan salah laku penyokong bola sepak***

Pelbagai langkah-langkah pencegahan dan pengawalan salah laku telah dilakukan oleh pelbagai negara di dunia. Langkah-langkah pencegahan ini mungkin berbeza pendekatannya antara negara kerana faktor perbezaan budaya, geografi dan salahlaku penyokong itu sendiri. Di Hungary misalnya, kajian telah dilakukan oleh Freyer (2004) berkaitan langkah-langkah pencegahan penyokong daripada bertindak ganas di stadium. Khidmat anggota polis sememangnya diperlukan di stadium bagi mengawal tingkahlaku penyokong bola sepak. Polis mempunyai kemahiran dalam mengawal sebarang bentuk kekacauan atau keganasan seandainya berlaku di stadium. Justeru itu, jumlah anggota polis di stadium perlu ditambah agar dapat menimbulkan rasa gerun dalam kalangan penyokong.

Kemudahan sekuriti yang terdapat di dalam stadium juga perlu ditambah baik. Penggunaan *closed circuit television* (CCTV) perlu diperluaskan penggunaannya di segenap kawasan stadium. Setiap stadium disarankan agar memiliki lebih daripada lima CCTV bagi membantu memantau dan mengenal pasti penyokong yang melanggar peraturan (Spaijj, 2005). Sekiranya jumlah CCTV yang dipasang di dalam stadium mencukupi, ianya akan membantu

memantau pergerakan para penyokong dan ianya turut akan meningkatkan penyokong bahawa tingkah laku mereka sentiasa dipantau (Frosdick, 2005). Garland & Rowe (2004) menambah bahawa kemudahan CCTV seharusnya dilengkap dengan perisian komputer dan teknologi *photopone* yang boleh membantu memadankan wajah pesalah (sekiranya data mengenai mereka berada dalam *database*). Kemudahan CCTV tidak akan mencapai matlamat sebagai alat kawalan sosial jika kualiti kualiti CCTV tidak berada pada tahap terbaik sehingga menyukarkan mengenalpasti penyokong yang melanggar peraturan (Stead & Rokwood, 2007).

*Self regulations* atau kawalan sosial personal menjadi isu perbincangan bagi kebanyakan pengkaji dalam membincangkan mengenai langkah pengawalan dan pencegahan terbaik untuk mengekang kejadian salah laku para penyokong. Para penyokong perlu mengambil tanggungjawab terhadap setiap kesalahan yang mereka lakukan (Evans & Rowe, 2002; Spaijj 2005 & Stott, 2003). Selain itu, hubungan antara penyokong dengan kelab atau pasukan juga seharusnya menjadi salah satu cara untuk memastikan para penyokong mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Penyokong perlu dilibatkan bersama-sama dalam pasukan kerana dengan adanya *attachment* dalam pasukan akan meningkatkan perasaan sayangkan pasukan. Pasukan bola sepak Barcelona sememangnya dikenali sebagai pasukan bola sepak yang cukup berpengaruh dan memiliki penyokong yang sangat fanatik contohnya penyokong yang dikenali sebagai *Boixes Nois* yang terkenal dengan keganasan dan salah laku di dalam stadium. Sebagai langkah mengawal kelakuan para penyokong mereka, pihak pengurusan kelab telah mengambil inisiatif dengan memberikan tiket percuma, mengatur perjalanan menonton perlawanan serta mengambil para penyokong Boixes Nois ini bekerja (pembantu keselamatan). Pihak pengurusan pasukan Bercelona mempercayai bahawa hubungan dan kepercayaan yang berhasil antara penyokong dengan pasukan dapat mengurangkan kes hooligan (Spaijj, 2005).

Namun demikian, di Malaysia isu berkenaan *self regulation* dalam kalangan penyokong bola sepak masih tidak meluas perbincangannya. Hal ini disebabkan oleh pihak pengurusan dan pentadbiran termasuk FAM mahupun Persatuan Bola Sepak Negeri yang tidak begitu terbuka dan tidak proaktif melibatkan penyokong dalam pentadbiran mereka. Konsep keterbukaan dalam pengurusan pasukan masih tidak diterapkan, walhal para penyokong merupakan *stakeholder* yang terpenting dalam sukan bola sepak. Para penyokong menjana kewangan pasukan, maka pihak pengurusan seharusnya melibatkan penyokong bersama-sama dalam pentadbiran dan pengurusan sesebuah pasukan. Perjumpaan berkala dengan para penyokong, dialog bersama penyokong perlu diwujudkan bagi membolehkan para penyokong mengetahui tentang perkembangan dan masalah yang dihadapi oleh pasukan mereka. Selain itu, melalui platform ini pihak pengurusan boleh mengingatkan para penyokong akan kepentingan menjaga kelakuan mereka semasa berada di dalam stadium dan tidak melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

## **METOD KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mendapatkan data. Survei menggunakan instrumen borang soal selidik telah digunakan. Seramai 600 orang responden dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Antara ciri-ciri yang telah ditetapkan pada responden adalah, berusia lingkungan 18-60 tahun, menyaksikan perlawanan bola sepak secara langsung di dalam stadium dan terdiri daripada penyokong pasukan bola sepak Kelantan, Perak, Selangor dan Johor (150 orang responden untuk setiap pasukan bola sepak). Kempat-empat pasukan ini dipilih

adalah kerana semuanya terkenal dengan jumlah penyokong yang ramai menyaksikan perlawanan secara langsung di stadium, memiliki penyokong yang fanatik dan seringkali dikenakan denda dan hukuman oleh FAM atas pelbagai kesalahan membabitkan penyokong masing-masing.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan *statistical package for social science* (SPSS) dan dipersembahkan secara deskriptif frekuensi. Bagi soalan berkaitan keberkesanan sistem sekuriti sedia ada di stadium, jadual berbentuk frekuensi dan peratusan dipersembahkan bagi memperlihatkan tahap-tahap pandangan yang diberikan oleh para responden. Bagi soalan berkaitan ciri-ciri yang perlu ada dalam diri setiap penyokong bola sepak bagi mengelakkan mereka terlibat dalam salah laku semasa berada di dalam stadium turut dipersembahkan secara peratusan dan kekerapan bagi memperlihatkan apakah ciri khusus dan penting yang perlu ada dalam diri penyokong ini.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

### ***Inisiatif mengawal salah laku penyokong di dalam stadium***

Pihak Persatuan Bola Sepak Negeri sememangnya telah menyediakan sistem sekuriti sebelum, semasa dan selepas sesuatu perlawanan bola sepak berlangsung. Namun demikian, adakalanya sistem sekuriti yang disediakan tidak menepati piawan yang telah ditetapkan oleh FAM dan ada yang tidak dijalankan secara komprehensif dan holistik. Kelemahan aspek sistem sekuriti ini secara tidak langsung membuka ruang dan peluang kepada para penyokong yang tidak bertanggungjawab untuk melanggar peraturan. Antara denda dan hukuman yang pernah dikenakan terhadap, mendenda pasukan dengan sejumlah wang (bergantung jenis kesalahan penyokong). Pada musim 2015, pihak FAM berjaya mengumpul sejumlah RM800,000 hasil daripada denda terhadap pasukan yang gagal mengawal kelakuan penyokong mereka. Manakala bagi musim 2016 sejumlah hampir RM1 juta berjaya dikumpul oleh FAM.

Selain itu, pihak FAM turut menghukum pasukan dengan mengarahkan pasukan bermain di gelanggang berkecuali atau tanpa kehadiran penyokong. Situasi ini nyata merugikan pihak pengurusan kerana tidak dapat menjana kewangan dari hasil jualan tiket perlawanan. Bagi penyokong pula, mereka akan terlepas mengikuti permainan pasukan tidak mampu memberikan sokongan secara langsung. Lazimnya, denda dan hukuman oleh FAM adalah apabila berlakunya pelanggaran Kod Tatatertib FAM. Artikel 70 Para 1 Kod Tatatertib FAM berkaitan dengan tanggungjawab memastikan penyokong mengawal kelakuan mereka semasa berada di dalam stadium. Seandainya kesalahan berulang, pasukan akan didenda kerana melanggar Artikel 70 Para 2 Kod Tatatertib FAM yang membawa denda dan hukuman yang lebih berat ([www.fam.org.my](http://www.fam.org.my))

Jika dilihat denda dan hukuman tidak secara langsung ditanggung oleh penyokong, sebaliknya ditanggung oleh pengurusan pasukan. Oleh yang demikian, penyokong tidak merasa gentar dan takut untuk berterusan melakukan kesalahan. Hanya jika penyokong yang devian berjaya ditangkap oleh pihak berkuasa baru mereka akan dibawa ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman. Namun demikian, statistik penangkapan penyokong yang berkelakuan devian masih sangat sedikit kerana jumlah penyokong yang ramai menyukarkan pihak berkuasa untuk mengenal pasti mereka yang bersalah. Justeru itu, kelemahan penguatkuasan undang-undang

turut menjadi punca kepada protes (Zawiyah & Mohd Naeim, 2016), rusuhan dan salah laku membabitkan penyokong.

Pengurusan pasukan bola sepak seharusnya mengambil inisiatif mengawal kelakuan penyokong mereka dan tidak mengharapkan pihak FAM semata-mata. Misalnya pasukan Johor telah menggunakan khidmat ‘marshal’ yang diupah untuk memantau dan menangkap penyokong yang devian. ‘Marshal’ ini berpakaian biasa dan diletakkan dalam kalangan penyokong di dalam stadium bagi memudahkan urusan pemantauan dilakukan. Selain itu, pengurusan pasukan Johor turut menyediakan bas yang memiliki ciri-ciri keselamatan seperti besi penghadang di sekeliling bas serta kemudahan CCTV bagi menjamin keselamatan para pemain mereka terutama apabila beraksi di tempat lawan ([www.johorsoutherntigers.com.my](http://www.johorsoutherntigers.com.my)). Seharusnya lebih banyak pasukan bola sepak dapat mengikuti apa yang telah dilakukan oleh pihak JDT, namun seringkali isu kekurangan dana menjadi halangan untuk pihak pengurusan untuk turut sama mencari jalan alternatif dalam mengawal dan mengekang salah laku penyokong masing-masing.

### ***Self Regulation sebagai mekanism kawalan sosial***

Sukar untuk mengharapkan pihak berkuasa semata-mata untuk memantau dan mengawal kelakuan penyokong semasa berada di dalam stadium. Jumlah penyokong yang ramai menyukarkan pihak berkuasa untuk memantau dan menangkap mereka yang bersalah. Oleh yang demikian, ‘self regulation’ dalam kalangan para penyokong bola sepak itu sendiri perlu dipertingkatkan. ‘Self regulation’ membolehkan para penyokong mengawal kelakuan mereka dan mengambil tanggungjawab atas setiap tingkah laku mereka. Antara ‘self regulation’ yang boleh dilakukan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: ‘Self regulation’ yang perlu ada dalam diri penyokong

Ciri-ciri	Peratus (%)
Perlu bijak mengawal emosi	90.0
Bersikap professional	86.4
Perlu lebih berdisiplin	83.2
Perlu mempunyai semangat kesukaran yang tinggi	74.0
Bertanggungjawab terhadap kelakuan sendiri	68.8
Tidak mudah terpengaruh dengan provokasi	48.6

Sumber: Kajian lapangan (2016)

Berdasarkan Jadual 1, majoriti responden bersetuju (99.2 %) bahawa setiap penyokong yang datang menyaksikan perlawanan bola sepak secara langsung di stadium perlu bertanggungjawab mengawal kelakuan mereka sendiri. Hal ini membawa maksud bahawa para penyokong perlu sedar bahawa setiap tindakan yang mereka lakukan, sebarang risiko yang muncul hasil daripada tindakan tersebut menjadi tanggungjawab mereka. Jika para penyokong memiliki rasa bertanggungjawab maka mereka tidak akan sewenang-wenangnya terlibat dalam

insiden salah laku samada verbal mahupun fizikal. Selain itu, majoriti responden menyatakan bahawa setiap penyokong seharusnya perlu bijak mengawal emosi (90.0%) semasa berada di dalam stadium. Jika para penyokong mempunyai kemampuan untuk mengawal emosi mereka dengan baik, maka kecenderungan untuk mereka terpengaruh dengan kelakuan penyokong lain atau mudah menjadi marah atau kecewa dapat diatasi. Penyokong perlu sedar bahawa elemen provokasi daripada penyokong lawan adalah perkara yang sudah biasa berlaku di dalam stadium. Seharusnya sebagai penyokong setia pasukan yang acap kali ke stadium, mereka sudah arif akan situasi sedemikian dan mampu mengawal emosi mereka agar tidak mudah termakan dengan provokasi pihak lawan (Dunning, 2000).

Selain itu, sebanyak 70 peratus para penyokong turut disarankan agar dapat menerima kekalahan pasukan mereka. Apabila pasukan mereka mengalami kekalahan, para penyokong seharusnya dapat bersabar dan belajar menerima kekalahan tersebut dengan hati yang terbuka. Sepertimana mereka meraikan jika pasukan mereka memperolehi kemenangan, maka mereka turut seharusnya bersedia jika pasukan mereka kalah dalam satu-satu perlawanan. Menang dan kalah adalah lumrah dalam mana-mana sukan sekalipun dan sebagai seorang penyokong yang tegar seharusnya mereka berada bersama-sama pasukan tidak kira di saat pasukan mereka mencapai kemenangan mahupun semasa pasukan mereka mengalami kekalahan. Selanjutnya seramai 80 peratus responden turut menambah dengan mengamalkan sikap profesional sebagai seorang penyokong, ianya akan membantu para penyokong untuk menerima setiap kemenangan dan kekalahan khususnya dengan hati yang terbuka.

Sehubungan dengan itu, para penyokong seharusnya memiliki semangat kesukaran yang tinggi (74.0%). Dengan adanya semangat kesukaran yang tinggi, para penyokong akan dapat menerima setiap keputusan perlawanan dengan hati yang terbuka. Semangat kesukaran juga dapat menunjukkan bahawa penyokong bola sepak di Malaysia sebenarnya memiliki etika dan integrity yang baik. Seramai 55.4 peratus responden pula berpendapat bahawa penyokong bola sepak perlu berkelakuan sopan semasa berada di dalam kawasan stadium. Berkelakuan sopan atau menghormati pasukan serta penyokong lawan juga amat penting. Jika penyokong mahu memberikan sokongan seperti menjerit, melaungkan kata-kata semangat mahupun menyanyikan lagu pasukan mereka, ianya seharusnya secara bersederhana dan tidak menganggu perhatian penyokong lain (Spaijj, 2006 & Kleomanis, 2004). Ini kerana, jika perbuatan tersebut menganggu perhatian penyokong yang lain, dikhuatiri ianya akan menjengkelkan penyokong yang lain dan membuatkan mereka berasa tidak fokus untuk menonton perlawanan. Kehadiran penyokong wanita, warga emas dan kanak-kanak di dalam stadium juga kian meningkat, sehubungan itu jika penyokong fanatik ini melakukan tingkah laku yang tidak sepatutnya, ianya akan menimbulkan rasa kurang senang kepada penyokong minoriti seperti warga emas, wanita dan kanak-kanak.

Penyokong turut disarankan agar perlu lebih berdisiplin semasa berada di dalam stadium. Seramai 83.2 peratus responden menyatakan bahawa disiplin akan membantu penyokong daripada terlibat dengan sebarang kejadian yang tidak diingini semasa berada di stadium. Hal ini kerana, dengan disiplin yang kuat maka penyokong dapat mengawal diri mereka sendiri daripada terlibat dalam salah laku-salah laku yang menyimpang daripada norma dan peraturan.

## **KESIMPULAN**

Sukan bola sepak tidak akan berkembang jika tiada sokongan daripada para penyokong. Namun demikian, sokongan yang diharapkan oleh para pemain dan barisan pengurusan adakalanya dibalas dengan salah laku oleh para penyokong. Kedua-dua pihak yakni, pihak pengurusan pasukan dan para penyokong seharusnya lebih banyak berkomunikasi mengenai sikap yang dibenarkan dan dilarang semasa berada di dalam stadium. Komunikasi bersifat dua hala antara pihak pengurusan dan penyokong perlu dipergiatkan agar para penyokong dapat menyuarakan pendapat mereka. Manakala, pihak pengurusan pula dapat mengingatkan penyokong agar sentiasa mematuhi peraturan dan menjadi penyokong yang memiliki semangat kesukaran yang tinggi. Para penyokong perlu sentiasa diingatkan bahawa sebarang tingkah laku negatif dan agresif bukan sahaja mencemarkan imej bola sepak pasukan, malah mencemarkan imej penyokong pasukan itu sendiri. Lebih teruk, ianya juga boleh membahayakan keselamatan penyokong lain terutamanya wanita dan kanak-kanak.

## **RUJUKAN**

- Bodin, D, Heas, S & Robene, L. (2004). Hooliganism: on social anomie and determinism, *Sport Management Journal*, 10: 1-11.
- Cheng. C. (2007). Introduction of spectating sports. *Physical Education of School* 234: 90-93.
- Coakley. J. (2009). *Sports in society: issues and controversies*. New York: McGraw-Hill.
- Dunning, E. (2000). Towards a Sociological Understanding of Football Hooliganism as a World Phenomenon. *European Journal on Criminal Policy and Research*, 2: 141–62.
- Evans. R. & Rowe. M. (2002). Taking Football Disorder Abroad. *Soccer and Society*, 3: 37–53.
- Fallahi. (2009). Comparison of factors affecting the audience occasionally, regular and fanatics in leagues matches. *Sport Management Journal*, 2: 62-70.
- Fikret. R & Bilal. C. (2005). Aggressiveness behaviours of soccer spectators and prevention of these behaviours. *Firat University Journal of Social Science*, 15(2): 279-287.
- Frostick, S. (2005). Pompey v Saints: a case study in crowd segregation. *International Journal of Police Science and Management*, 7(3): 149–159.
- Frostick. S & Marsh. P. (2005). *Football hooliganism*. London: Willan Publishing.
- Garland. J. & Rowe. M. (2004). The English disease- cured or in remission? An analysis of police responses to football hooliganism in 1990s. *Crime Prevention and Community Safety*, 5: 35-47.
- Hajbeigi, M. R. (2006). Violence and aggression in football and its control. *Security Journal*, 11 (2): 61-73.
- Houlihan. B. (2008). *Sport and society: a student introduction*. London: SAGE Publications Ltd.
- Huang, M. J. (2011). Determinant factors and satisfaction of spectators at the selecting national table tennis team competition in Taiwan. *The 12th ITTF Sports Science Congress May 5-7, 2011*. Rotterdam: The Netherlands.
- Kandu. F. (2013). *Fan dies and 20 injured in Malawi football violence*. Carian dalam <http://www.bbc.com/sport/0/football/25542297>.
- Kelly, J. R. (1996). *Leisure*. Boston: Allyn & Bacon.

- Kim, Y. K & Trail, G. A. (2010). Conceptual framework for understanding relationship between sports consumers and sport organizations: a relationship quality approach. *Journal of Sport Management*, 24(3): 190-210.
- Kleomanis. L. (2005). Changes in socio-economic and demographic composition of Greek football spectators. *European Journal for Sport and Society*, 2(2): 109-120.
- Leyne. J. (2012). *Egypt football violence leaves many dead in Port Said*. Carian dalam <http://www.bbc.co.uk/news/world-middle-east-16845841>.
- Marsh, P., K. Fox, G. Carnibella, J. McCann and J. Marsh (1996). *Football violence in Europe*. Oxford: The Social Issue Research Centre.
- Miguel. E. (2008). *National cultures and soccer violence*. Carian dalam <http://www.Nber.org/papers/w13968>. (akses pada 13 Januari 2008).
- Molnar. S. & Popovic. S. (2009). Attitudes of football fans toward some of the more controversial issue surroundings the games nowadays. *Sports SPA*, 6(2): 25-32.
- Nur Hafizah Yusoff. (2017). Motivasi dan penglibatan wanita sebagai penyokong bola sepak di Malaysia. *Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani*, 6(1): 36-44.
- Nur Hafizah Yusoff. (2017). Faktor-faktor yang mempengaruhi salah laku dalam kalangan penyokong bola sepak di Malaysia. *Geografa*, 11(13): 72-78
- O'Neill. M. (2005). *Policing Football: Social Interaction and Negotiated Disorder*. Basingstoke and New York: Palgrave.
- Omíd. J, Mehdi, R. G, Nasser. T & Zabiholah. T. (2012). A survey on violence in soccer spectators of Tehran city and the ways decreasing it. *International Journal of Basic Sciences & Applied research*, 14(1): 22-25.
- Otto Adang. (1999). *Committee on Culture and Education, Council of Europe*. Netherlands: Socialist Group.
- Pilz. G. (1996). Social factors influencing sport and violence: On the 'problem' of football hooliganism in Germany. *International Review of the Sociology of Sport*, 31(2): 46–68.
- Spaijj. R. (2006). 'Aspects of Hooligan Violence: A Reappraisal of Sociological Research into Football Hooliganism', *ASSR Working Paper Series*, No. 06/02.
- Stead, D. and Rookwood. J. (2007). Responding to football disorder, policing the British football fan. *Journal of Qualitative Research in Sports Studies*, 1(1): 33-41.
- Thornton. P. (2003). *Casuals: Football, Fighting and Fashion – The Story of a Terrace Cult*. Lytham: Milo.
- Wann, D. L & Branscombe, N. R. (1993). Sport fans: measuring degree of identification with their team. *International Journal of Psychology*, 2(4): 1-17.
- Young. K & White. P. (2000). Researching sports injury: reconstructing dangerous masculinities. In: McKay, J, Messner. M. A & Sabo. D. (eds) *Masculinities, Gender Relations and sports*. United Kingdom: Sage Publications.
- Young. K. (1993). Violence, risk and liability in male sports culture. *Sociology of Sport Journal* 4: 373-396.
- Zawiyah Mohd Zain & Mohd Naeim Ajis. (2016). Protes dan akta perhimpunan aman: satu analisis. *Geografa*, 12(14): 70-78.

**Nur Hafizah Yusoff (PhD)**

Pensyarah kanan

Pusat Pembangunan Sosial dan Persekutaran

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

43600 UKM Bangi

**Sundramoorthy A/L Pathmanathan (PhD)**

Profesor Madya

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang